



**1. PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Mempunyai Sijil Sekolah Rendah Ugama Darjah VI (SSRU)

3. Mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang berikut adalah kelebihan:

- i) Hal Ehwal Penerangan Ugama dan Dakwah.
- ii) Urusan-urusan Pengislaman.
- iii) Menyediakan skrip-skrip untuk rancangan di Radio dan Televisyen.
- iv) Urusan penerbitan buku-buku Ugama.

4. Hendaklah tahu membaca Al-quran, membaca dan menulis jawi dengan baik.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA:

1. Menjadi Imam sembahyang lima waktu dan sembahyang-sembahyang lain yang diadakan di surau Pusat Pembangunan Belia.
2. Mengawal dan menjalankan segala perkara yang berkenaan dengan surau, termasuklah menjaga dan memelihara perkara-perkara berikut:
 - i) Menjaga keselamatan harta benda surau dan sentiasa memastikan bangunan surau berada dalam keadaan bersih.
 - ii) Membantu memberikan khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan pelatih.
 - iii) Menyediakan laporan dan data yang berkaitan dengan hal ehwal keagamaan dan kerohanian serta menyelaraskan pengambilan kedatangan para pelatih dalam apa jua kegiatan keagamaan.
 - iv) Merancang, mengatur dan melaksanakan projek-projek keagamaan.
 - v) Memantau kehadiran pelatih bersembahyang di surau serta memberi laporan kepada Ketua Unit Hal Ehwal Pelatih dan Kaunseling mengenai segala perkara yang berlaku sama ada dengan para pelatih atau pun yang berhubung dengan surau.
 - vi) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa sahaja di luar waktu berkerja biasa atau secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga di mana-mana daerah di Negara ini.
 - vii) Bertanggungjawab memantau dan melantik Ahli Jawatankuasa Takmir Surau yang berperanan dalam melaksanakan tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti surau.
 - viii) Membuat Perjumpaan bersama ibubapa/penjaga pelatih apabila diperlukan.
 - ix) Bersedia menerima arahan dari semasa ke semasa daripada Pegawai Kerja dan Ketua Pusat Pembangunan Belia.